

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PERANAN DAN CABARAN USAHAWAN WANITA BUMIPUTRA
DI MELAKA**

OLEH:

**HABSAH KASIM
MD. TAHIR ABD HAMID. PhD
SALINA ABDULLAH**

AUGUST 2010

Surat Kami : 600-RMI/SSP/DANA 5/3/Dsp (150/2008)
Tarikh : 26 November 2008

Habsah bt Kasim
Ketua Projek
Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
MELAKA

Datuk Prof Dr Mohd Tahir Abd Hamid
Ahli Projek
Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
MELAKA

Salina bt Abdullah
Ahli Projek
Fakulti Perakaunan
UiTM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
MELAKA

Tuan/Puan,

TAJUK PROJEK PENYELIDIKAN DANA KECEMERLANGAN: PERANAN DAN CABARAN USAHAWAN WANITA BUMIPUTERA DI MALAYSIA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI) telah meluluskan cadangan penyelidikan yang telah dikemukakan oleh tuan/puan bertajuk di atas dengan syarat-syarat seperti berikut:

- i. Tempoh projek penyelidikan ini ialah 2 tahun, iaitu bermula 1 November 2008 hingga 31 Oktober 2010.
- ii. Kos yang diluluskan ialah sebanyak RM7,700.00 sahaja dalam (*Kategori A*).
✓ Tuan/Puan diminta mengemukakan proposal beserta bajet yang baru mengikut kos yang diluluskan sebelum tuan/puan memulakan projek penyelidikan tuan/puan.
- iii. Pembelian peralatan komputer/printer/PDA adalah tidak diluluskan.
- iv. Semua pembelian bahan/peralatan adalah diminta agar tuan/puan mematuhi prosedur perbendaharaan di mana pembelian melebihi RM500.00 hendaklah mengemukakan sebutharga dan borang analisa harga.
- iv. ✓ Pihak tuan/puan dikehendaki mengemukakan laporan prestasi secara ringkas pada bulan Disember 2008 sepanjang penyelidikan tuan/puan berjalan.

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan) : 603-5544 2094/2095
Bahagian Penyelidikan : 603-5544 2097/2091/5521 1462
Bahagian Perundingan : 603-5544 2100/2753/2092
Bahagian Inovasi : 603-5544 2750/2747

Bahagian Pengetahuan : 603-5521 1425/5544 2747
Bahagian INFOREC : 603-5544 3097/2104/2098
Bahagian Sains : 603-5544 2098/5521 1463
Pejabat Am : 603-5544 2093/2101/2057/2559


Bahagian Pentadbiran : 603-5544 2090
Fax : 603-5544 2096/2767
Unit Kewangan Zon 17 : 603-5544 3404
. 603-5521 1386

- v. Tuan/Puan perlu menandatanganí Borang Perjanjian Penyelidikan dengan kadar segera kerana penggunaan geran hanya dibenarkan setelah perjanjian ditandatangani
- ✓
- vi. Laporan Akhir perlu dihantar sebaik sahaja projek penyelidikan disiapkan dan format menulis laporan akhir boleh diperolehi di laman web RMI. (<http://www.rmi.uitm.edu.my>)

Sekian, harap maklum. Terima kasih.

'SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN'

Yang benar,


PROF. DR. AZNI ZAIN AHMED
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)

- s.k. 1. Pengarah Kampus
UiTM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
MELAKA
2. Koordinator RMU
UiTM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
MELAKA
3. Puan Rosnani Abd. Razak
Penolong Bendahari
Unit Kewangan Zon 17 (Penyelidikan)
(untuk makluman dan tindakan)

Azni Jatin

ABSTRAK

Antara objektif utama penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh usahawan wanita Bumiputra khususnya di negeri Melaka. Ia juga bertujuan untuk mengkaji prospek-prospek dan peluang-peluang baru yang ada bagi menggalakkan wanita menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya mengemukakan cadangan kepada wanita yang baru mula berjinak-jinak dengan dunia perniagaan. Penyelidikan ini melalui borang soal selidik dan temubual kepada usahawan wanita bumiputera yang berada di negeri Melaka.

Antara cabaran paling getir yang dihadapi oleh responden kajian ini ialah kekurangan pengalaman merancang kewangan. Disamping itu mereka juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman modal dan masalah sewaktu ingin memulakan perniagaan. Oleh yang demikian, didapati bahawa bimbingan khidmat nasihat dan bantuan kewangan adalah amat diperlukan oleh usahawan wanita bumiputra. Manakala bagi mengekalkan daya saing dalam dunia perniagaan, aspek hubungan baik dengan pelanggan dan memantapkan pelan pemasaran dengan harga produk atau servis yang berpatutan merupakan resipi paling utama. Usahawan wanita bumiputra ini juga menyedari kepentingan rekod perniagaan yang lengkap bagi mengetahui jumlah keuntungan atau kerugian perniagaan mereka dan seterusnya bagi mengelakkan kesukaran mereka mengetahui jumlah hutang pelanggan.

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa kursus dan latihan yang mantap mengenai pelan pemasaran dan sistem perakaunan adalah amat penting bagi membantu usahawan wanita bumiputra. Antara cadangan yang dikemukakan ialah memperbanyakkan produk baru seperti produk halal biotech dan herba, meluaskan

konsep perniagaan baru seperti agro-tourism dan health-tourism serta mewujudkan gabungan perniagaan atau konsortium bagi memantapkan lagi perniagaan masing-masing. Adalah diharapkan agar kajian ini dapat dimanfaatkan oleh bukan sahaja usahawan wanita bumiputra, malahan agensi-agensi kerajaan dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan usahawan wanita demi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif kepada para usahawan khususnya usahawan wanita bumiputra.